

**CHINA PRESS, 6 OKTOBER**

## **PEMUDAH DRAF PERATURAN BARU UNTUK MEMANFAATKAN PENIAGA KECIL**

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan berkata, PEMUDAH sedang mencadangkan dan berusaha untuk menyeragamkan mekanisme lesen bagi membenarkan peniaga kecil boleh berniaga sambil menunggu kelulusan lesen. Buat pertama kali, ia mengambil kaedah insentif meminta persetujuan orang awam untuk menghapuskan peraturan lapuk.

Menurut beliau, inilah hasil transformasi minda dan juga cabaran PEMUDAH yang seterusnya. Meskipun PEMUDAH telah menunjukkan ketabahannya dalam penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan menerima pengiktirafan meluas, tetapi ia tidak akan hanya berpuas hati pada setakat ini. Sebaliknya, akan memastikan reputasinya bertambah baik.

Beliau berkata, inti sari masalah terletak pada sama ada perlu atau tidak perlukan lesen? Jika perlu, mengapa perlu? Seandainya sudah tiada keperluan, mengapa masih menyimpannya? Kesemua masalah ini akan satu persatu dikembalikan kepada jabatan-jabatan kerajaan di seluruh negara untuk dikaji dan disemak masing-masing.

“Ini memerlukan minda yang berbeza dan sikap terbuka. Penjawat awam perlu berfikir terbuka.”

Demi menghapuskan birokrasi yang wujud semasa korporat swasta berinteraksi dengan kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan PEMUDAH pada 7 Februari 2007. Dalam masa 3 tahun, ia berjaya memudahkan kerehuan banyak prosedur rasmi dan memperoleh komen baik daripada pelbagai golongan.

Wakil tertinggi kerajaan, Tan Sri Mohd Sidek Hassan menjawat Pengerusi Bersama PEMUDAH, akan bersara secara rasminya tahun depan. Menjelang penyerahan jawatannya, beliau menerima wawancara pemberita akhbar China Press untuk menerangkan secara terang dan teratur hasrat beliau terhadap penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan bersedia mewariskan impiannya.

Beliau memberitahu pemberita, PEMUDAH sedang mengkaji untuk melancarkan ‘lesen seragam’ bagi menjimatkan masa dan tenaga peniaga ke sini sana untuk memohon pelbagai lesen. Jika perlu, kerajaan juga tidak mengecualikan pada masa akan datang membenarkan peniaga modal kecil ‘sebaik saja mengemukakan permohonan, boleh berniaga dengan serta-merta.’

Ini bermakna, pihak kerajaan dan pemohon, kedua-dua pihak dengan beraninya menganggap lesen sudah tentu boleh diluluskan, tidak perlu menunggu sehingga mendapatkan lesen barulah nak berniaga. Ini dapat menjimatkan masa untuk menunggu. Antaranya, pemohon memperoleh keyakinan yang lebih besar, iaitu yakin maklumat yang dikemukakan oleh mereka pasti tiada kesilapan, dalam proses penyemakan sebaik saja mendapati ada sebarang kesilapan, dibenarkan membuat pindaan dan pembetulan kemudian.

Sidek Hassan mendedahkan, seorang anggota PAMUDAH yang berprestij tinggi – Pengerusi Eksekutif Westport Sdn Bhd., Tan Sri Ghanalingam bersedia mengagihkan sejumlah wang tajaan untuk dihadiahkan kepada orang awam yang memberi cadangan bagi memperbaiki atau menghapuskan peraturan lapuk.

### **SIDEK HASSAN: KEJAYAAN TRANSFORMASI BERGANTUNG PADA KOMUNIKASI**

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan sudah berkhidmat selama 36 tahun 6 bulan dalam sektor perkhidmatan awam berkata, rahsia untuk melancarkan konsep transformasi minda ialah komunikasi.

Menurut Sidek, ketika itu, maklumat yang disampaikan dari pihak atasan kepada pegawai bawahan perlu melalui penyerahan dokumen dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain, iaitu daripada Ketua Setiausaha kepada Timbalan Ketua Setiausaha, Penolong Pegawai, Ketua Cawangan dan seterusnya... Prosesnya amat lambat dan juga kekurangan komunikasi.

Sekarang, hampir setiap penjawat awam menggunakan kemudahan komunikasi moden. Dari yang paling asas, iaitu e-mel sehinggalah telefon bimbit pelbagai fungsi, inilah alat komunikasi berkesan bagi konsep penyampaian.

Bagaimana mahu melaksanakan konsep transformasi minda dalam sistem birokrasi 1.2 juta orang, Sidek Hassan yang bertempat pada kedudukan tertinggi sistem itu berkata, bergantung pada komunikasi.

Sidek Hassan menyertai Kementerian Perdagangan dan Industri pada 15 Januari 1974 dan memulakan kehidupan pekerjaannya dalam perkhidmatan pentadbiran dan diplomasi. Beliau pernah ditempatkan di Jepun dan Australia sebagai Pegawai Khas Perdagangan dan Penasihat Ekonomi Menteri ke Amerika Syarikat. Ini bukan saja menyaksikan perubahan Kementerian Perdagangan dan Industri dinaikkan taraf sebagai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kemudian, beliau dapat dinaikkan pangkat menjadi Ketua Setiausaha Kementerian itu. Selepas itu, beliau dengan pengalaman ekonomi dan perdagangan yang kaya dan kekuatan pandangan diplomatik, melonjak ke jawatan tinggi sebagai Ketua Setiausaha Agung Negara.

Beliau berkata, PEMUDAH melancarkan transformasi minda. Pasukan ini dianggotai oleh 13 Ketua Setiausaha semua jabatan kerajaan, 10 wakil daripada golongan industri dan perniagaan, berjaya menyampaikan konsep transformasi ini kepada semua bahagian kerajaan.

Menurutnya, PEMUDAH menyatukan model kerja sektor swasta dan awam. Sekarang ini sudah diperluaskan kepada beberapa negeri malah kepada unit terendah. Ketua Setiausaha kerajaan negeri atau ketua unit akan mengetuai pasukan itu bagi memastikan penambahbaikan dan mempercepatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

## **SIDEK HASSAN: TRANSFORMASI MINDA IALAH NAIK PENGANGKUTAN AWAM**

Apakah yang dimaksudkan transformasi minda? Dalam wawancara bersama beliau, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan cuba meyakinkan pemberita, mengurangkan memandu kereta sendiri dan bertukar untuk menaiki pengangkutan awam sekiranya dapat dilakukan, itulah transformasi minda.

“Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dato' Ungku Dr. Zeti Akhtar boleh!”

Beliau meninggikan sedikit nada suaranya dengan gembira menyatakan itulah bukti contoh transformasi minda yang diteladani oleh pegawai kanan kerajaan.

Menurut Sidek, dengan menaiki kereta yang dipandu oleh pemandunya dari perjalanan beberapa puluh kilometer ke KLIA, Sepang, Tan Sri Dato' Ungku Dr. Zeti Akhtar memang sudah mengubah mindanya dengan menaiki ERL. Seluruh perjalanan hanya memakan masa 28 minit sahaja dan sudah boleh sampai ke destinasi dengan lancar.

Sidek berkata, beliau sering bergurau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa setiap kenderaan yang memasuki Putrajaya hampir semua adalah 'S.O.V' ( Single Occupied Vehicle), bermakna kenderaan yang digunakan untuk berseorangan. Malah bas awam yang berulang alik di jalan utama Putrajaya berselang setiap 10 minit juga adalah S.O.V.

Disebabkan semua orang enggan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, dan tidak pula mencari kaedah untuk berkongsi kereta, maka menyebabkan kesesakan lalu lintas di Putrajaya pada jam 7 pagi setiap hari. Masalah kekurangan tempat letak kereta juga berlaku di bangunan kerajaan. Meskipun membuka banyak lagi medan letak kereta, juga tidak dapat menyelesaikan masalah.

Sidek Hassan berkata, jika penjawat awam yang memandu ke Putrajaya boleh mengubah minda mereka sedikit, kejadian kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta tidak akan berlaku.

“Anda tahu kereta saya adalah 8.O.V? (kereta yang digunakan oleh 8 orang)”

Sebenarnya, Sidek Hassan sebagai Ketua Setiausaha Negara, sudah pun meneladani transformasi minda dan ke pejabat berkongsi kereta dengan pegawai-pegawainya.

## **KERAJAAN MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN BUKAN PRODUK**

Sidek Hassan berkata, Kerajaan memberi perkhidmatan bukan produk. Beliau berkata, penjawat awam yang berkhidmat dalam sektor perkhidmatan adalah untuk pelanggan berasa gembira, dan tahap kepuasan hati pelanggan adalah sasaran utama dalam bidang perkhidmatan.

“Jangan beranggapan bahawa penjawat awam tiada persaingan, sekiranya tidak menjalankan tugas dengan baik, orang lain akan menggantikan tempat saya; pesaing kita adalah dari Negara-negara lain.

Dari sudut pandangan seorang pegawai atasan seperti beliau yang berpengalaman, penetapan daya saing Negara perlu melangkaui sistem penyampaian perkhidmatan awam, iaitu, menyatukan kekuatan golongan swasta, NGO atau golongan masyarakat.

Beliau berkata, berbanding dengan barisan 1.2 juta penjawat awam, barisan pekerja swasta yang melebihi 9 juta orang adalah daya pendorong terbesar bagi pembangunan ekonomi, penambahan pendapatan, dan peningkatan daya saing. Maka, kerajaan tidak harus campur tangan dalam sektor perdagangan tetapi hanya perlu sedia memberi kekuatan, bantuan.

### **PEMUDAH BANGGA TERHADAP DUA KERJAYAAN – MEMUDAHKAN PROSES PERMOHONAN PASPORT DAN PEMINDAHAN MILIK HARTANAH**

Sidek Hassan berkata, pada tahun pertama penubuhan PEMANDU telah menarik perhatian yang tinggi. Di antaranya ialah memendekkan jangka masa dan memudahkan proses permohonan pasport dan pemindahan milik hartanah.

“ Sekarang, anda boleh mendapatkan pasport dalam masa sejam, ini merupakan satu prestasi yang baik dalam sistem perkhidmatan awam”. Berbanding dengan Kedutaan Amerika menggunakan masa 2 hari untuk meluluskan visa, adalah lebih pantas.

Pada peringkat awal, orang awam perlu ke Jabatan Imigresen untuk mendapatkan nombor giliran seawal pukul 5 pagi. Walaupun semua prosedur berjalan lancar, mereka masih perlu menunggu 5 hari bekerja untuk mendapatkan pasport mereka. Selepas itu, kerajaan telah memendekkan jangka masa memproses buku pasport kepada 2 jam. Dan kini, hanya memerlukan masa selama satu jam sahaja.

Berkenaan dengan prosedur pemindahan milik hartanah pula, beliau berkata, sebelum ini prosedur pemindahan milik hartanah memakan masa selama 144 hari, tetapi kini hanya mengambil masa 1 hari. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan bagi Pemudah.

Berkenaan dengan bagaimana memendekkan masa prosedur permohonan, beliau menjelaskan secara ringkas, prosedur lama memerlukan penyediaan dokumen yang banyak dan proses yang melalui pelbagai peringkat. Oleh itu, haruslah menyemak keperluannya dan menghapuskan peraturan lapuk sekiranya tidak diperlukan.

### **KEPUASAN YANG MAKSIMA – MALAYSIA MENJADI NEGARA BERDAYA SAING KELIMA TERBESAR**

Sidek Hassan berkata, Malaysia menjadi negara berdaya saing ke-5 terbesar di dunia, setiap orang akan mendapat layanan yang baik semasa berurusan di pejabat kerajaan dengan sedia menghulurkan bantuan dan ini merupakan kepuasan yang maksima kepada beliau.

“ Penjawat Awam sentiasa sedia membantu, memperbaiki keadaan semasa. Keadaan sebegini telah menjadi satu kebiasaan bagi mereka, sehingga mereka tidak lagi mengambil kira sama ada orang yang mereka bantu masih ingat mereka atau tidak”.